

05/06/2002

Punca al-Qaeda, Palestin mengganas harus dikaji

APA yang berlaku di Afghanistan dan Palestin, adalah bukti nyata kekuatan tentera dan penggunaan senjata canggih saja tidak berjaya menyelesaikan masalah berkaitan keselamatan dan menghentikan keganasan. Cara Amerika Syarikat menghadapi tindakan dan menangani ancaman al-Qaeda setakat ini terbukti tidak menelurkan hasil yang diinginkan Washington. Bumi Afghanistan didakwa pusat pergerakan al-Qaeda musnah dibedil namun kumpulan itu masih gagal dihapuskan sepenuhnya dengan pemimpin dan saki baki anggotanya tetap berkeliaran dekat sempadan Pakistan. Begitu juga tindakan berani mati pejuang Palestin tidak berupaya mencapai matlamat penduduk di wilayah itu untuk memaksa Israel menghentikan pembinaan penempatan baru Yahudi ataupun membantu meringankan penderitaan rakyat Palestin sendiri. Hakikat ini pernah ditegaskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad dan kini ditekankan sekali lagi oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada satu persidangan, kelmarin. Selama ini jelas bahawa operasi tentera Amerika tidak sedikit pun memberi perhatian kepada punca wujudnya golongan yang sanggup menggunakan kekerasan dan keganasan yang mereka sangka mampu memenuhi matlamat perjuangan mereka.

Sebenarnya, sebagaimana kata Abdullah, cara berkesan harus dicari atau lebih tepat lagi usaha memenangi hati dan jiwa mereka perlu diteroka dan rancangan dirangka bagi mengelakkan kumpulan berkenaan menjadi militan. Apakah rungutan dan tuntutan mereka hingga mereka sanggup melakukan keganasan? Lebih tepat lagi, mengapa anggota al-Qaeda sanggup mengangkat senjata. Begitu juga tidakkah benar penindasan Israel terhadap rakyat Palestin seperti tindakan merampas tanah dan merobohkan rumah bagi membuka perkampungan pendatang Yahudi membuat mereka bertindak balas hingga ramai yang sanggup menggadai nyawa? Mungkin dalam hal ini, Amerika dan sekutunya dapat menimba pengalaman dan menjadikan kejayaan Malaysia menghapuskan ancaman penganas komunis sebagai contoh. Kita berjaya mengenalpasti sebab penduduk Cina memberi sokongan kepada gerakan penganas komunis lantas melancarkan perang saraf bagi memenangi kembali sokongan mereka demi membangunkan negara.